

03/03/2000

Rakan Sukan kembali

Hussain Said

BERMATLAMAT untuk mendapatkan sumber kewangan kukuh bagi membiayai persediaan atlit memburu kegemilangan dalam tiga temasya - Sukan Sea 2001, Sukan Asia 2006 dan Sukan Olimpik 2008 - Kementerian Belia dan Sukan akan menghidupkan kembali program Rakan Sukan yang diperkenalkan pada 1994.

Pengisian program itu bagaimanapun akan dikaji serta dinilai semula bagi membolehkan sasaran yang ditetapkan mampu dipenuhi.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata berdasarkan keadaan ketika ini adalah yang terbaik bagi menghidupkan kembali program itu selepas berakhir kegawatan ekonomi.

"Hasil maklum balas yang diterima daripada program sebelum ini, ada persatuan dan syarikat yang berjaya mencapai matlamat dan tidak kurang juga yang menamatkan perjanjian lebih awal.

"Tetapi kita lihat banyak yang gagal memenuhi perjanjian berikutan masalah yang ditimbulkan kedua-dua pihak, sama ada tidak sehaluan, masalah dalaman persatuan sukan atau masalah syarikat yang membabitkan pertukaran hak milik atau dasar syarikat selain kegawatan ekonomi.

"Bagaimanapun, saya sudah menghubungi beberapa syarikat untuk mendapatkan maklum balas dan mereka memberi reaksi positif untuk bergabung dalam menjayakan program itu sekiranya dilancarkan semula. Langkah itu adalah sebahagian daripada strategi serta pendekatan jangka panjang kita bagi melahirkan atlit emas dan menjayakan Sukan Sea 2001, Sukan Asia 2006 dan Sukan Olimpik 2008," katanya selepas mesyuarat pasca Kabinet di kementeriannya, semalam.

Program Rakan Sukan diilhamkan bekas Menteri Belia dan Sukan, Datuk Abdul Ghani Othman, yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 1 Ogos 1994.

Program lima tahun itu bertujuan menyatukan tenaga, kepakaran dan sumber kewangan, terutama dari syarikat korporat dan persatuan sukan, bagi mencungkil bakat-bakat baru serta meningkatkan prestasi sukan negara.

Sebanyak 28 sektor korporat serta 27 persatuan sukan kebangsaan bersetuju menandatangani memorandum persefahaman (MoU) yang berjaya mengumpulkan dana berjumlah RM18.65 juta setahun.

Persatuan Badminton Malaysia (BAM) menjadi penerima terbesar apabila disalurkan dana RM4 juta oleh rakan sukannya, Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton), manakala persatuan sukan lain, rata-rata menerima RM1 juta setahun.

Sebagai galakan, syarikat korporat terbabit pula diberi status pengecualian cukai oleh Kementerian Kewangan.

Hishammuddin bagaimanapun berharap semua pihak memberi komitmen serta bekerjasama menjayakan program itu agar segala permasalahan sebelum ini tidak berulang.

(END)